

# PENGHINAAN DAN SERANGAN TERHADAP ISLAM DI ALAM MAYA

Sejak Internet membuka ruang seluas-luasnya kepada netizen khususnya menerusi media sosial, pihak berautoriti dan agama sering menjadi sasaran cemahan dan penghinaan daripada banyak pihak. Unit Pemantauan Isu Hina Agama, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) melaporkan 431 aduan berkaitan penghinaan terhadap Islam di media sosial pada 1 Januari 2020 sehingga 30 Jun 2020. Ia bukanlah suatu jumlah yang sedikit bahkan masih terdapat kes penghinaan yang tidak dilaporkan yang tidak bilangan yang tidak sedikit.

Carian pantas yang dibuat menerusi Facebook mendapati terdapat banyak group Facebook yang membawa haluan yang membenci agama dan menolok tunas. Dalam group berkenaan, terdapat banyak cemahan, kutukan dan penghinaan yang dilakukan.

Begitu juga terdapat serangan yang keterlaluan terhadap institusi agama yang meningkat khususnya pada akhir tahun 2019. Terdapat peningkatan kecenderungan untuk mengentam Islam, menghina Rasulullah SAW dan mengecah pihak berautoriti agama. Ada juga yang melakukan provokasi mengesa agar dimansuhkan Jabatan Agama Islam dan mempersoalkan hak orang Islam melaksanakan solat Jumaat.

Semua bentuk penghinaan terhadap mana-mana agama dan bangsa, tidak menyumbang kepada pembinaan masyarakat yang harmoni. Sebaliknya, hanya menambahkan keresakan dan mengherukangi lagi hubungan antara masyarakat berbilang kaum. Sikap seperti ini perlu dihindari dan tindakan secara perundangan perlu diambil untuk mengekang lanya daripada berleluasa.

## Penghinaan Terhadap Agama dan Bangsa

Akhir Berita Harian pada 6 Mac 2019 melaporkan bahawa Polis Diraja Malaysia (PDRM) menerima 929 laporan di seluruh negara berhubung kes penghinaan terhadap agama Islam. Perbuatan seperti ini boleh membangkitkan kemarahan dan menaikkan semangat individu dan keseluruhan penganut agama untuk mempertahankannya. Fenomena ini boleh mencetuskan fitnah yang besar dalam masyarakat. Sebagai contoh penghinaan terhadap Islam, Rasulullah SAW dan isteri Baginda oleh 'Alvin Chow' dalam akaun laman sosialnya dan mengatakan "Melayu macam cibul dan nabi mahd kito pijak shy dan muka nabi ialah syaitan".

## Serangan berani

Sepanjang tahun 2019 satu demi satu isu sensitif terhadap Islam, institusi raja dan orang Melayu yang dibangkitkan oleh pembenci Islam dengan kata-kata, gambar dan video yang dimuat naik di media sosial. Ia bakal suatu kesengajaan dan tidak menolok kemungkinan ia hasil dari perancangan yang rapi untuk mewujudkan provokasi dan serangan yang bertali arus terhadap Islam dan umat Islam di Malaysia. Seolah-olah ada tangan tersembunyi yang melindungi perbuatan mereka ini.

Serangan yang bertali arus ini menandakan keberanian pihak tertentu menghina Islam dan Umat Islam. Secara tidak langsung ia menggambarkan kelemahan umat Islam dari sudut politik dan perundangan sehingga tidak mampu menghalang dan bertindak ke atas mereka. Walau bagaimanapun, ia semakin reda pada awal 2020 hingga kini melainkan kes-kes terencil sahaja. Sebenarnya, ketegasan dan kewibawaan para pemimpin Islam sangat diperlukan untuk mempertahankan Islam apabila berfuku kes-kes seperti. Begitu juga dengan kecukupan aspek perundangan untuk memastikan pelaksanaan tidak terlepas dari tindakan dan kepantasan pihak penguatkuasa untuk membolehkan tindakan yang cepat dapat diambil.

## Serangan halus Geng liberal

Penghormatan dan keyakinan masyarakat terhadap institusi ulama merupakan suatu kelebihan yang menyimpang rasa iri hati dalam kalangan musuh Islam. Institusi ini meliputi asatizah secara individu, organisasi ulama dan semua institusi agama. Mereka tidak boleh menghapuskan institusi ulama pada ketika ini, tetapi mereka boleh memberikan imej yang buruk kepada individu asatizah dan institusi agama melalui posting-posting penghinaan tersebut. Secara tidak langsung ia boleh mengurangkan rasa hormat dan keyakinan terhadap institusi ulama.

Kesalahan itu tetap kesalahan namun matlamat serangan itu bukanlah disasarkan kepada peribadi yang melakukan kesalahan itu tetapi sasaran mereka ialah institusi ulama itu sendiri. Persepsi yang cuba

dibentuk ialah 'ustaz tu pun sama juga' dan 'ustazah tu pun langgar SOP juga'. Tujuannya bukan sekadar untuk menjatuhkan peribadi agawaman berkenaan tetapi untuk cuba menghilangkan rasa hormat terhadap agawaman secara umumnya. Autoriti dan rasa hormat orang awam terhadap agawaman merupakan doktrin yang perlu dipecahkan kerana ia kekuatan kepada Islam.

Kadang-kadang ia bukanlah suatu kesalahan pun, tetapi ia merupakan suatu kesengajaan yang dicipta untuk memburukkan lagi keadaan. Contohnya, mengambil kata-kata di luar konteks atau pun mengambil sebahagian kecil ucapan dan meninggalkan sebahagian yang lain. Ia memberikan salah faham dan kekeliruan kepada masyarakat. Akhirnya masyarakat menyalang individu berkenaan sehingga terpaksa memohon maaf sedangkan itu bukanlah kesalahannya. Ia merupakan cubaan pembunuhan karakter "character assassination" kepada tokoh agawaman tertentu.

Ini bermakna, penghinaan terhadap Islam tidak berlaku secara kebetulan, tetapi ia dilakukan secara terancang oleh pihak tertentu yang membenci Islam. Kalau tidak dapat dilakukan secara berterang, mereka lakukan secara halus.

## Serangan pemikiran

Penghinaan terhadap Islam merupakan salah satu bentuk serangan pemikiran terhadap umat Islam. Mungkln ada yang berfikir ini adalah zaman peperangan media yang perlu dipersiapkan kelengkapannya. Sebenarnya, ia merupakan suatu peperangan pemikiran manakala media sosial hanyalah alat dan mediumnya.

Ya, musuh Islam melakukan serangan dengan pelbagai sudut dan kaedah. Satu ketika mereka menyerang suatu sasaran, tetapi sebenarnya bukan itu sasaran yang sebenar. Para pemimpin perlu bijak berhadapan dengan susana ini, aspek perundangan dan penguatkuasaan juga perlu diperkemas. Manakala orang Islam pula perlu mengambil tindakan yang matang dan berhemah supaya dapat memenangi pertempuran dan peperangan ini.

